

25 AUG 1999

Mahathir-Acheh

MALAYSIA TIDAK SOKONG PELARIAN ACHEH

PUTRAJAYA, 25 Ogos (Bernama) -- Malaysia tidak menyokong mana-mana usaha pelarian Acheh di sini untuk memisahkan wilayah itu dari republik Indonesia, kata Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata memang terdapat pelarian Acheh di sini tetapi mereka tidak diberi kebebasan untuk membuat sesuatu yang boleh merosakkan Indonesia.

"Kita ada pelarian Acheh di sini, tetapi kita tidak beri apa-apa kebebasan kepada mereka untuk membuat sesuatu yang akan merosakkan Indonesia dan kita tidak memberi apa-apa sokongan kepada mereka," katanya kepada pemberita selepas pertemuannya dengan Presiden B.J Habibie di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan wartawan Indonesia sama ada terdapat pelarian Acheh di sini.

Habibie tiba pagi tadi untuk lawatan kerja sehari sebagai membalas kunjungan Dr Mahathir ke Pulau Batam Mei lepas.

Rombongan Habibie termasuk Menteri Luar Ali Alatas, Menteri Koordinator Ekonomi, Kewangan dan Industri Ginandjar Kartasasmita, Menteri Pertahanan dan Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Wiranto, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Rahardi Ramelan dan Menteri Kehakiman Muladi.

Pertemuan dua hala itu yang berlangsung lebih dua jam itu disertai lapan orang bagi delegasi Indonesia manakala Malaysia diwakili 12 orang.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak menyokong sebarang usaha untuk memisahkan mana-mana negara kerana Malaysia juga akan terdedah kepada kemungkinan yang sama.

"Jika kami tolong pihak lain untuk berpisah daripada sebuah negara jiran, kami akan menghadapi masalah yang sama," kata Dr Mahathir.

Habibie juga ditanya sama ada beliau memandang berat mengenai laporan yang menyatakan bahawa senjata itu dibawa melalui Malaysia ke Acheh.

Presiden Indonesia itu berkata beliau tidak bimbang kerana semuanya terkawal.

"Tidak. Semua ini terkawal dan kami menjalankan tugas kami," katanya.

Habibie turut ditanya mengenai enam pesawat pengangkut CN235 buatan Indonesia untuk Tentera Udara Diraja Malaysia.

Beliau berkata tiga daripada pesawat itu akan diserahkan esok manakala tiga lagi dijangka diserahkan pada Oktober.

Katanya perjanjian bagi pembelian itu telah dicapai lama dahulu.

Malaysia menandatangani perjanjian itu pada Februari 1995 untuk membeli pesawat daripada Industri Pesawat Terbang Nusantara (IPTN).

-- BERNAMA

RV rhm mai